



Lindungi Kesihatan Rakyat Ketika Peralihan Politik

Pertama sekali, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penjawat awam kesihatan, imigresen dan agensi lain di barisan hadapan yang membendung ancaman COVID-19. Ketika tempoh krisis negara, keberanian, kemahiran dan pengorbanan anda akan menyatukan Malaysia.

Keutamaan tertinggi kerajaan dan masyarakat Malaysia adalah untuk memastikan kesihatan dan kebajikan rakyat terjamin. Kita masih berusaha untuk membendung ancaman COVID-19 dan pada masa yang sama meneruskan penjagaan rutin untuk 32 juta rakyat Malaysia. Kita tidak boleh sekali-kali berkompromi dengan kesihatan walaupun semasa sebarang kemelut atau peralihan kuasa, kerana legitimasi kerajaan dan perpaduan masyarakat kita bergantung kepada kesihatan rakyat Malaysia yang terjamin.

Sebagai pemimpin sektor kesihatan Malaysia, kami menyokong sepenuhnya kepimpinan Kementerian Kesihatan. Kami menggesa:

1. Semua pemegang taruh untuk melindungi kesihatan Rakyat ketika sebarang peralihan politik,
2. Semua ahli dan parti politik, semua pertubuhan awam, seluruh sektor swasta dan segenap lapisan masyarakat untuk menyokong para profesional kesihatan,
3. Penekanan yang seimbang di antara pembendungan wabak COVID-19 dan penjagaan kesihatan rutin, termasuk sokongan berterusan dari segi logistik, kewangan dan sumber manusia untuk Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang berkaitan,
4. Penekanan yang baharu untuk melindungi para profesional kesihatan barisan hadapan, dengan peralatan mencukupi seperti topeng, sarung tangan dan pakaian keselamatan, termasuk langkah-langkah yang sesuai untuk mengelakkan kelesuan, tekanan atau "burn-out",
5. Semua rakyat untuk menggunakan perkhidmatan kesihatan dengan penuh bertanggungjawab dan kesopanan.

Kami meletakkan kepercayaan sepenuhnya di atas kepimpinan Kementerian Kesihatan, untuk menjamin kesinambungan perkhidmatan kesihatan. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada YB Datuk Seri Dr Zulkefly Ahmad dan YB Dr Lee Boon Chye di atas komitmen dan perkhidmatan cemerlang mereka.

Kami bersatu untuk menjalankan amanah kami kepada negara dan rakyat Malaysia. Kami menggesa semua pemegang taruh untuk mengutamakan Rakyat Malaysia dan melindungi kesihatan mereka.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

WARGANEGARA

Tan Sri Dr Abu Bakar Suleiman
Dato' Dr Amar Singh HSS
Datuk Dr Christopher Lee
Tan Sri Dr Jemilah Mahmood
Tan Sri Dr M Jegathesan
Prof Emeritus Dato' Dr Khalid Abdul Kadir
Dr Khor Swee Kheng
Dato' Dr Musa Nordin
Dr Nur Amalina Che Bakri

DEKAN PERUBATAN

Prof Dato' Dr Adeeba Kamarulzaman (Universiti Malaya)
Prof Dr Raja Affendi Raja Ali (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Prof Dr Shaiful Bahari Ismail (Universiti Sains Malaysia)

PERSATUAN PROFESIONAL

Prof Dr Rosmawati Mohamed (Master, Akademi Perubatan Malaysia)
A/Prof Dr Mohammad Husni Jamal (Presiden, Akademi Pakar Perubatan Keluarga)
Dato' Dr Ahmad Faizal Mohd Perdaus (Presiden, MERCY Malaysia)
Dato' Dr Zainal Ariffin Omar (Presiden, Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam)
Dr Abdul Halim Shibghatullah (Yang Dipertua, IKRAM Health)
En Amrahi Buang (Presiden, Persatuan Farmasi Malaysia)
Pn Sharipah Asiah Syed Junid Aljunid (Presiden, Persatuan Jururawat Malaysia)
Dr N Ganabaskaran (Presiden, Persatuan Perubatan Malaysia)
Haji Mustafa Abd Majid (Presiden, Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia)
Dr Jeffrey Abu Hassan (Presiden, Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM))
Dr Ahmad Firdaus Mohd Haris (Presiden, Medical Mythbusters Malaysia)
Dr Raj Kumar Maharajah (Presiden, Persatuan Gabungan Pengamal Perubatan)
Public Health Malaysia

28 Feb 2020